



## JABATAN AIR NEGERI SABAH

(Ibu Pejabat)  
Blok A, Tingkat 6, Wisma MUIS  
Beg Berkunci 210  
88825 KOTA KINABALU, SABAH

Telefon: 088-232364, Faks: 088-232396  
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/air>



Bil. JANS/HQ : 600-13/2/151 JLD.2 (16)  
Tarikh : 31hb Oktober 2018

### L.B.H BROTHER INDUSTRIES SDN BHD

Lot 9134, Jalan Titanium,  
Kawasan Perindustrian Batu 22,  
Jalan Kuala Selangor, 45620,  
Ijok, Selangor Darul Ehsan

Tuan,

### KELULUSAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PRODUK/BAHAN BEKALAN AIR DI BAWAH SEKSYEN 7(1)(d), ENAKMEN BEKALAN AIR NEGERI SABAH 2003

- Jenis Produk : Pipe and Fittings
- Jenama : **LBH**

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dengan ini diperakui bahawa permohonan pembaharuan pendaftaran bagi produk/bahan bekalan air oleh syarikat tuan seperti yang tersebut di atas telahpun diluluskan. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan seperti berikut :

- Kelulusan ini sah laku berkuatkuasa **31 Disember 2020**;
- Jabatan berhak untuk melakukan pemeriksaan mengejut terhadap mana-mana pengeluar produk pada bila-bila masa.
- Kelulusan ini tidak boleh disalin dalam mana-mana bentuk untuk tujuan pengiklanan atau komersil tetapi ia boleh ditunjukkan sebagai bukti kelulusan sahaja;
- Kelulusan ini terbatal secara tersendirinya sekiranya terdapat unsur penipuan sama ada syarikat atau produk, ancaman terhadap keselamatan negara, perubahan kualiti, spesifikasi dan maklumat produk, cetak rompak dan sebagainya.
- Jabatan ini berhak untuk membatalkan kelulusan ini pada bila-bila masa jika produk/bahan didapati tidak mematuhi Enakmen Bekalan Air Negeri Sabah 2003 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

3. Permohonan untuk pembaharuan Surat Kelulusan Pendaftaran Produk/Bahan mestilah dikemukakan ke pejabat ini sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh sah lakunya tamat.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

( Ir. AMARJIT SINGH )  
Pengarah  
Jabatan Air Negeri Sabah

TYF/hhsc/ti/produk

**KAMI UTAMAKAN KUALITI**